

05/02/2003

Dr M jamin kekal kawasan rekreasi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan tidak akan mengorbankan kawasan rekreasi dan riadah sekitar ibu kota untuk memberi laluan kepada projek perumahan atau bangunan komersial.

Perdana Menteri berkata, jika kawasan terbabit diberi kepada pemaju, mereka pasti mendapat keuntungan besar hasil pembinaan rumah, tetapi menyebabkan kehijauan Kuala Lumpur terhapus.

"Tetapi mereka (pemaju) tidak akan menyediakan taman untuk rekreasi. Justeru, kita harap warga kota akan menjaga baik taman ini kerana ia memerlukan kos tinggi menjaganya. Rakyat perlu mengambil berat mengenai penjagaan alam sekeliling, terutama taman rekreasi dan tempat riadah yang disediakan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Jamuan Teh dan Senandung Budaya sempena ulang tahun ke-29 Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Taman Tasik Titiwangsa semalam.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Mansor; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohamad Taufek, diplomat asing serta pemimpin parti politik, termasuk parti pembangkang.

Hari Wilayah Persekutuan tahun ini disambut semalam kerana 1 Februari lalu adalah perayaan Tahun Baru Cina.

Dr Mahathir juga mahukan penduduk bandar raya menjaga persekitaran dan kediaman mereka dengan baik supaya mereka dapat hidup selesa.

Beliau berkata, Kuala Lumpur adalah bandar raya pesat membangun serta mempunyai jumlah penduduk yang semakin meningkat dan kini menghadapi masalah untuk menyediakan perumahan kepada semua warga kota.

Katanya, kerajaan menyediakan peruntukan besar untuk pembinaan rumah yang mencukupi bagi memastikan warga kota dapat hidup sempurna tetapi tidak bermakna jika ia tidak dijaga dengan baik hingga menjadi seperti kawasan setinggan.

"Kita harus terima hakikat bahawa tinggal di bandar ada kos tertentu yang kita harus biayai," katanya.